

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HMP 203 - Sosiologi Bahasa (Penterapan kepada
Bahasa Malaysia)

Tarikh: 3 November 1987

Masa: 2.15 ptg. - 5.15 ptg.
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan. SOALAN NO. 1 dari Bahagian A MESTI dijawab dan SATU(1) soalan dari setiap Bahagian B, C dan D.

BAHAGIAN A - Soalan No. 1 MESTI dijawab

1. Tulis nota-nota ringkas yang jelas dan lengkap dari tajuk-tajuk berikut: Sertakan bersamaan jawapan anda contoh-contoh yang relevan dari bahasa Malaysia:
 - a. komuniti pertuturan
 - b. kedwibahasaan yang stabil
 - c. bahasa kacukan (creole)
 - d. diglosia
 - e. kuasa dan perpaduan
 - f. bahasa slanga
 - g. sosiolingusitik mikro
 - h. penukaran kod dan percampuran kod
 - i. peralihan bahasa (language shift)
 - j. 3 jenis kategori bahasa yang diutarakan oleh Nida
 - k. proses pembakuan bahasa (standardsasi)
 - l. dialek
 - m. Lingua Franca
 - n. kolonialisme
 - o. laras bahasa
 - p. repertoire linguistik

(40 markah)

BAHAGIAN B - Jawab SATU(1) soalan sahaja

2. Apakah peranan peminjaman dalam pembinaan bahasa? Bincangkan bagaimana peminjaman jenis 'extralingual' dan 'intralingual' berlaku dalam bahasa Malaysia.
(20 markah)

3. Bincangkan peringkat-peringkat bagi perubahan linguistik dan gunakan contoh-contoh dari situasi yang terdapat di negara kita. Adakah perubahan sosial memainkan peranan yang penting dalam pembentukan variasi bahasa yang muncul pada akhir proses tersebut?

(20 markah)

BAHAGIAN C – Jawab SATU(1) soalan sahaja

4. Kuasa dan perpaduan adalah satu gejala yang dapat mencerminkan stratifikasi sosial sebagaimana yang wujud di dalam kebanyakan masyarakat. Gunakan bahasa Malaysia sebagai pokok perbincangan anda.

(20 markah)

5. Analisis wacana adalah perlu bagi komunikasi yang berkesan. Bincangkan tajuk ini dan masalah yang mungkin timbul sekiranya manusia tidak berpandukan analisis wacana dalam pertuturan mereka.

(20 markah)

6. Terangkan dan bincangkan hipotesis Sapir-Whorf yang berkaitan dengan persoalan relativiti dan determinisme bahasa.

(20 markah)

BAHAGIAN D – Jawab SATU(1) soalan sahaja

7. Mengapakah perkembangan bahasa di dalam sesebuah masyarakat negara itu perlu dirancang? Huraikan dengan kritis aspek-aspek kejayaan perancangan bahasa di Malaysia setakat ini.

(20 markah)

8. Andaikan anda telah diserahkan dengan tanggungjawab untuk mencipta satu bahasa bagi menyelaraskan ketidak seimbangan yang wujud di dunia sekarang. Bincangkan kemungkinan andaian tersebut dan masalah-masalah yang mungkin dihadapi (sertakan juga keterangan bagi istilah sosiolinguistik).

(20 markah)